

Malik tiba di KLIA hari ini

Daripada Zairee Zahir di London

EH 8/8/03
PERENANG maraton negara, Abdul Malik Mydin akan pulang ke tanah air hari ini selepas hampir sebulan berada di London bagi melaksanakan misinya menakluk Selat Ingeris, Isnin lalu.

Wira negara itu berlepas pulang ke Malaysia dengan menaiki pesawat MH01 Penerbangan Malaysia (MAS) dari Lapangan Terbang Heathrow, London dengan disertai jurulatih John Van Wisse, enam krew dan lapan petugas media tetnpatan.

Dia dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) jam 6 petang ini dan dijangka diberi sambutan besar-besaran.

Pcrdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein adalah pemimpin yang dijangka menyambut kepula-

ngan Wira Selat itu.

"Saya tidak sabar-sabar untuk pulang ke tanah air, lebih-lebih lagi selepas berjaya melaksanakan janji saya kepada pemimpin dan rakyat yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya.

"Saya sungguh terhutang budi kepada pihak penaja, Yayasan AlBukhary, Malaysian Electrical Corporation (MEC), Genting Highlands Berhad, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Eau Claire Mineral Water Sdn Bhd serta beberapa orang perseorangan yang banyak membantu saya.

"Terima kasih juga kepada pihak media Berita Harian dan Harian Metro, Bernama, Utusan Malaysia, TV3, RTM dan The Star yang memberi liputan meluas terhadap misi saya ini.

"Tanpa bantuan dan dorongan semua pihak, tidak mungkin saya dapat berlatih dan menjayakan misi ini," katanya.

Tepat jam 2.50 pagi waktu Malaysia, Isnin lalu, Malik mencipta sejarah membanggakan apabila menjadi perenang pertama Malaysia

dan Asia Tenggara serta keempat Asia dapat merentasi Selat Ingeris - selat paling sukar dan mencabar dalam kalendar renang maraton antarabangsa.

Dia mencatat 17 jam 35 minit selepas berenang hampir 58km dari Abbots Cliff di Dover ke pantai Wissant di Calais, Perancis.

Biarpun catatan itu agak perlahan, hakikatnya Abdul Malik terpaksa mengambil 'jalan jauh' dan menempuh ombak setinggi 1.5 hingga 2 meter, arus yang kuat dan tiupan angin kencang sehingga 18 batu nautika sejam kira-kira 6 kilometer ketika menghampiri Pantai Calais.

Menurut bekas pelumba basikal kebangsaan itu, dia mahu pulang bertemu ibu bapa dan keluarganya di Pulau Pinang dan berehat kira-kira 2 bulan sebelum mengumumkan perancangan seterusnya.

"Buat masa ini biarlah saya berehat dulu. Insyallah saya tidak akan berhenti," katanya.